



**UCAPAN
YANG BERHORMAT
DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA:
SARAWAK FACILITY MANAGEMENT INDUSTRY
ENGAGEMENT DAY 2025 DI KUCHING SARAWAK
4 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS)**

Terima kasih puan Pengacara Majlis,

SALUTASI MAJLIS

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

1. Terlebih dahulu, bagi pihak Kementerian Kerja Raya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak, rakan strategik industri serta CIDB Malaysia yang sentiasa komited memperkukuh ekosistem pengurusan fasiliti negara. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada pagi yang penuh bermakna ini di Bumi Kenyalang, bersempena Sarawak Facility Management Industry Engagement Day 2025, adalah bukti komitmen bersama kita untuk mengangkat agenda pengurusan fasiliti atau *facility management (FM)* ke tahap yang lebih tinggi.

2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan khusus kepada **YAB Premier Sarawak** atas sokongan padu yang sentiasa diberikan dalam memperkukuh ekosistem pembinaan dan fasiliti di negeri ini. Sokongan sebegini amat penting kerana kejayaan dalam bidang FM menuntut kerjasama erat antara kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak industri, dan juga akademik.

3. Hari ini bukan sekadar sebuah persidangan, tetapi juga medan untuk mengukuhkan kerjasama, menyatukan pemikiran dan menyemarakkan kolaborasi demi memastikan pengurusan fasiliti di Sarawak berkembang seiring arus kemodenan. Lebih penting lagi, program ini menampilkan seminar dengan empat sesi pembentangan oleh barisan penceramah pakar daripada kerajaan, industri dan akademik, merangkumi topik tadbir urus, inovasi, kelestarian serta pembangunan modal insan dalam FM.

4. Inisiatif seminar ini hanya dapat direalisasikan melalui kerjasama erat antara Kerajaan Negeri Sarawak, Kementerian Kerja Raya, CIDB Malaysia serta para pemain industri. Saya percaya perbincangan dan idea yang dikongsi hari ini akan menjadi pemangkin kepada perancangan strategik yang lebih mantap untuk menjadikan Sarawak peneraju pengurusan fasiliti mampan di rantau ini.

Kepentingan *Facility Management*

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Hadirin sekalian, pengurusan fasiliti merupakan satu disiplin yang semakin penting dalam konteks pembangunan moden. Ia bukan sekadar menyelenggara bangunan atau infrastruktur, tetapi melibatkan pengurusan holistik sepanjang kitaran hayat aset – daripada perancangan, pembinaan, operasi, penyelenggaraan sehinggalah ke fasa pelupusan. Dengan pendekatan ini, kita dapat memastikan infrastruktur yang dibina berfungsi secara optimum, berdaya tahan dan memberi manfaat jangka panjang kepada rakyat.

6. Angka-angka pasaran global menunjukkan potensi besar bidang ini. Pada tahun 2025, industri FM global dijangka bernilai USD1.53 trilion. Malaysia pula diunjurkan mencapai nilai pasaran sekitar RM55 bilion, dengan pertumbuhan berterusan sehingga RM75 bilion menjelang 2030 dengan kadar pertumbuhan tahunan sekitar 5.1%. Ini bermakna, pengurusan fasiliti menawarkan peluang yang amat luas yang bukan sahaja mampu menjana nilai ekonomi, tetapi juga mencipta pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat kita.

7. Selaras dengan itu, kerajaan telah meletakkan *Facility Management* sebagai tonggak penting di bawah Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030) bagi menyokong agenda penyenggaraan aset dan infrastruktur negara secara mampan dan berdaya tahan. Justeru, paradigma kita perlu berganjak daripada hanya memberi tumpuan kepada brick-and-mortar construction kepada pendekatan yang lebih menyeluruh dan mampan berasaskan *life-cycle management*. Pertimbangan ke atas aspek penyelenggaraan di peringkat rekabentuk projek lagi dapat memastikan infrastruktur yang dibina dapat berfungsi secara optimum sepanjang kitaran hayatnya.

Hadirin sekalian,

8. Pemilihan Sarawak sebagai tuan rumah bagi *Engagement Day* ini adalah amat bertepatan dan selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri. Negeri ini sedang rancak melaksanakan pelbagai projek pembangunan strategik – daripada Lebuhraya Pan Borneo, Sabah–Sarawak Link Road, hinggalah aspirasi Bandar Pintar dan ekonomi hidrogen. Semua ini menjadikan Sarawak sebuah negeri yang berpotensi besar untuk menjadi perintis pengurusan fasiliti mampan di rantau Borneo.

9. Namun demikian, tahap kesedaran dan penglibatan dalam pengurusan fasiliti di Malaysia, khususnya di Sarawak, masih perlu dipertingkatkan. Dari aspek pendaftaran kontraktor FM, kita masih berdepan jurang yang ketara. Daripada lebih 460 kontraktor FM berdaftar di seluruh Malaysia, hanya 17 sahaja kontraktor FM yang berdaftar di Sarawak. Saya melihat ini bukan satu kelemahan, tetapi satu peluang besar untuk melahirkan lebih ramai kontraktor tempatan berkemahiran tinggi dalam FM. Dengan sokongan kerajaan negeri, CIDB dan pemain industri, kita dapat mempercepatkan pembangunan kapasiti tempatan agar Sarawak mampu muncul sebagai rujukan utama dalam bidang ini.

Inisiatif CIDB Malaysia

10. Di peringkat kerajaan Pusat, CIDB sebagai badan yang diamanahkan memacu pembangunan industri pembinaan, telah memperkenalkan beberapa inisiatif khusus dalam memperkasakan bidang FM. Antaranya adalah:

- i) **Pendaftaran & Pensijilan Kontraktor FM** melalui kategori pendaftaran khusus iaitu F01 (Fasiliti Bangunan & Infrastruktur Am) dan F02 (Fasiliti Penjagaan Kesihatan). Inisiatif ini memastikan hanya

kontraktor yang benar-benar kompeten dapat memberikan perkhidmatan FM yang berkualiti;

- ii) **Dari aspek Pembangunan Modal Insan:** CIDB membangunkan modul komprehensif dan menyediakan program latihan dan akreditasi bagi *Facility Management Executive* (FME) dan *Facility Management Manager* (FMM), bagi memastikan tenaga kerja berkemahiran tinggi digajikan oleh Kontraktor FM untuk memenuhi permintaan industri;
- iii) CIDB juga telah melancarkan perisian **LCCsoft (*Life Cycle Costing Software*)**: iaitu platform analisis kos kitar hayat. Dengan merujuk kepada kos data kitaran hayat aset yang tersedia didalam LCCsoft, pemilik aset dapat membuat keputusan yang lebih strategik, mengambil kira kos sepanjang hayat sesebuah bangunan, bukan hanya kos pembinaan awal. Langkah ini akan membantu menjimatkan perbelanjaan penyelenggaraan jangka panjang dan mengoptimumkan pelaburan; dan

- iv) Terkini, CIDB sedang membangunkan standard industri pembinaan untuk pengurusan fasiliti: **CIS-FM atau *Construction Industry Standard for FM*** ini akan menyeragamkan amalan terbaik FM di seluruh negara, memastikan mutu kerja penyelenggaraan dan pengurusan aset adalah konsisten, profesional, dan menepati piawaian antarabangsa.

11. Semua inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha CIDB untuk memperkukuh profesionalisme, meningkatkan kecekapan kos, dan menyokong agenda kelestarian dalam pengurusan fasiliti.

Peranan *Facility Management Industry Engagement Day 2025*

Hadirin yang saya hormati,

12. Program kita hari ini bukan sekadar platform perkongsian ilmu, tetapi ia lebih besar daripada itu. *Sarawak Facility Management Industry Engagement Day 2025* adalah medan untuk membina rangka tindakan bersama melalui sesi libat urus khas yang diadakan seiring dengan Seminar pada hari ini. Dalam sesi tersebut, kita akan:

- i) Mengenalpasti jurang pelaksanaan FM di Sarawak. Membincangkan penyelesaian, termasuk penggunaan CIS-FM, LCCsoft, serta teknologi digital seperti BIM-FM dan CMMS; dan
- ii) Mendapatkan maklum balas untuk pembangunan kontraktor FM tempatan, khususnya dalam bidang seperti kesihatan, minyak & gas, dan bangunan warisan.

13. Saya percaya sesi ini akan menghasilkan cadangan bernas yang dapat dijadikan asas pelan strategik pembangunan FM di Sarawak dimasa akan datang.

Kerjasama Negeri & Persekutuan

14. Kementerian Kerja Raya komited untuk memastikan pengurusan fasiliti menjadi sebahagian daripada agenda pembangunan nasional. Dengan kerjasama rapat Kerajaan Negeri Sarawak dan inisiatif CIDB, kita mahu setiap projek baharu mengarusperdanakan strategi FM sejak dari peringkat reka bentuk. Sokongan daripada negeri amat penting dalam mengarusperdanakan amalan FM dalam setiap projek

pembangunan baharu. Dengan dasar negeri yang menyokong, ditambah inisiatif CIDB di peringkat persekutuan, kita boleh mewujudkan satu ekosistem FM yang lebih mantap dan mampan.

15. Saya percaya, jika kita dapat memperkukuh kerjasama negeri-persekutuan, memperkasa kontraktor tempatan, serta memanfaatkan teknologi digital, maka Sarawak mampu muncul sebagai peneraju dalam pengurusan fasiliti mampan di Malaysia.

Penutup

16. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini – khususnya Kerajaan Negeri Sarawak, Kementerian Kerja Raya, CIDB Malaysia, para penceramah, rakan strategik dan pemain industri.

17. Harapan saya, agar para peserta dapat memanfaatkan sepenuhnya platform ini, bukan sahaja untuk menimba ilmu, tetapi juga untuk membina rangkaian kerjasama strategik.

18. Saya yakin, dengan kerjasama erat antara kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, CIDB, industri dan academia,

Sarawak mampu menjadi peneraju agenda Sustainable Facility Management di Malaysia. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi Malaysia Madani dan hala tuju NCP 2030. yang lebih dinamik, mampan dan berimpak tinggi – selaras dengan tema “*Sarawak Leads in Borneo: The Future of Sustainable Facility Management Starts Here.*”

19. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan *Sarawak Facility Management Industry Engagement Day 2025.*

Sekian, terima kasih.